


Panduan Membeli Di Kedai Online Alkhudhri (<http://alkhudhri.com/eshop>)

Pembeli yang belum biasa menggunakan perkhidmatan tempahan/belian *online* ini boleh rujuk panduan ini untuk memudahkan anda membuat tempahan dengan kami.




1. Pilih Barang




Untuk memilih barang yang dikehendaki, anda hanya perlu klik pautan **“Masuk Trol”** (rujuk gambar di sebelah)

Seciranya anda memilih produk Tambah Nilai / *prepaid*, sila pastikan anda masukkan **Jumlah Tambah Nilai** dan **Nombor Talian Telefon Bimbit** (jika berkenaan) dan klik **Masuk Trol** seperti gambar di bawah.



2. Semak Senarai Barang Yang Telah Dipilih

Setiap barang yang telah anda pilih akan direkodkan dalam “**Troli Pembelian**”. Untuk melihat barang yang telah anda pilih, sila klik pada pautan item di Troli Pembelian (rujuk gambar di bawah).




Kemudian akan keluar paparan seperti gambar di bawah.





Untuk melihat dengan lebih terperinci, anda boleh klik pada pautan “**Lihat Troli**”. Sekiranya anda ingin meneruskan tempahan, sila sahkan tempahan anda dengan mengklik pada pautan “**Pembayaran**”.

Gambar di bawah menunjukkan paparan setelah anda mengklik pautan **“Lihat Troli”** seperti yang dinyatakan sebelum ini.



Untuk bahagian **“Kuantiti”**,

- Anda boleh menambah kuantiti bagi setiap produk yang anda pilih di sini.
- Setelah anda ubah jumlah kuantiti, sila klik pada butang  ini (sebelah kotak kuantiti) untuk mengemaskini jumlah bayaran.
- Sekiranya anda ingin membatalkan tempahan bagi satu-satu barang, sila klik pada butang  ini (sebelah butang kemaskini) untuk membuang item berkenaan.

Kemudian sekiranya anda ingin memilih barangan lain, sila klik pada **“Teruskan Pembelian”**. Jika pilihan anda sudah muktamad, sila klik pada **“Pembayaran”**.

3. Sahkan Tempahan

Paparan di bawah akan muncul setelah anda klik pada **“Pembayaran”** pada langkah sebelum ini. Untuk pelanggan baru, sila buat **“Pendaftaran Baru”**. Bagi pelanggan yang telah mendaftar sebelum ini, sila **“Log Masuk”** dengan memasukkan email dan kata laluan anda.

TROLI / PEMBAYARAN

Pembayaran

Langkah 1: Pilihan Pembayaran ▾

Pelanggan Baru

Pilihan Pembayaran:

Pendaftaran Akaun

Dengan mencipta akaun, anda boleh membeli belah dengan lebih cepat, mengetahui status terkini pesanan dan menyimpan maklumat tentang pesanan yang telah anda lakukan.

TERUSKAN

Pelanggan Setia

Saya seorang pelanggan setia

E-Mail

E-Mail

Kata Laluan

Kata Laluan

Terlupa Kata Laluan

LOG MASUK

Langkah 2: Maklumat Akaun & DiI

Langkah 5: Kaedah Pembayaran

Langkah 6: Pengesahan Tempahan


Kemudian sila ikut arahan langkah-langkah berikutnya satu persatu.

Untuk langkah yang terakhir, iaitu langkah **6 Pengesahan Tempahan** akan muncul paparan seperti di bawah. Di sini akan dinyatakan kesemua senarai barang yang telah anda pesan beserta dengan jumlah bayaran dan juga termasuk kos penghantaran (sekiranya ada).

| | | | | |
|--|--------------|---|------------|---------|
| Tambah Nilai Celcom - Tambah Nilai: RM10 - No Tel Bimbit: 01190150/U | topup-celcom | 1 | RM10.50 | RM10.50 |
| | | | Sub-Total: | RM10.50 |
| | | | Jumlah: | RM10.50 |

Arahan Pindahan Bank (Maybank)
Sila buat bayaran jumlah amaun tersebut kepada akaun bank berikut.

Sila klik pada ikon bank dibawah ini untuk pembayaran melalui perbankan internet.



PERHATIAN : UNTUK PRODUK SELAIN EBOOK & TAMBAH NILAI, JANGAN BUAT BAYARAN TERLEBIH DAHULU. KAMI AKAN HUBUNGI ANDA SECEPAT MUNGKIN UNTUK MENGESAHKAN KESEDIAAN STOK KAMI.

Sila klik pada ikon Maybank di atas untuk ke laman web Maybank2u.

Nombor Akaun : 153010562040
Nama Akaun : Ahmad Zamakhsyan Bin Zainuddin
E-mel : alkhudhri296a@gmail.com

Sila pastikan anda menyimpan salinan maklumat transaksi yang berjaya (screen capture atau cetak) dan e-mel kepada kami di alkhudhri296a@gmail.com sebagai bukti pembayaran.

Anda juga boleh SMS / WhatsApp ke no : 160179518070 dengan menyertakan maklumat berikut:
Nombor, Jumlah Bayaran, Bank, Masa Dari Tarikh Transaksi.

Kami akan mula memproses pesanan anda sebaik sahaja kami menerima maklumat transaksi dan pembayaran.

Pesanan anda tidak akan diproses sehingga kami menerima pembayaran daripada anda.


Tempahan anda hanya akan diproses selepas kami menerima dan mengesahkan bayaran daripada anda.

PENGESAHAN PESANAN

Sila ambil perhatian mengenai masa pembayaran. **Sekiranya produk anda selain daripada produk ebook atau produk tambah nilai (*prepaid*), anda diminta tidak membuat pembayaran selagi mana kami belum mengesahkan kesediaan stok barang berkenaan.** Setiap tempahan anda akan kami sahkan kesediaan stok dalam masa 24 jam.

Untuk mengesahkan tempahan anda dan membolehkan kami memproses tempahan anda, sila klik pada **“Pengesahan Pesanan”** untuk dimasukkan di dalam sistem kami.

Setelah itu anda akan dapat lihat paparan di bawah, menandakan tempahan anda telah dimasukkan ke dalam sistem kami.



Anda akan menerima email berkenaan butiran produk dan cara pembayaran. Sekiranya email berkenaan tiada di dalam *inbox*, sila semak di dalam *folder spam/junk*.

Terima Kasih

Azam
+6017 951 8070
alkhudhri296a@gmail.com